

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN VII - MASJID

Seksyen 89. Tauliah Pegawai Masjid.

- (1) Tiap-tiap orang yang dilantik oleh Majlis menjadi Pegawai Masjid, termasuk tiap-tiap orang yang disifatkan telah dilantik sedemikian di bawah subseksyen 88(5), hendaklah diberikan tauliah oleh Majlis.
 - (2) Tiap-tiap Pegawai Masjid hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini dan dalam tauliahnya.
-